

Malaysia tegaskan tak benar syarikat Israel masuk negara

Putrajaya: Datuk Seri Anwar Ibrahim, mendedahkan kerajaan pimpinan Tun Dr Mahathir Mohamad, yang membenarkan kapal kargo, ZIM Rotterdam, milik syarikat Israel, Zim Integrated Shipping Services, berlabuh di negara ini sejak 2002.

Perdana Menteri menegaskan, sejak mengambil alih kerajaan, beliau dan Jemaah Menteri membatalkan kebenaran itu dan kekal dengan pendirian tidak membenarkan syarikat berdaftar dengan Israel masuk dan melakukan sebarang aktiviti di negara ini.

Katanya, pendirian itu termasuk tidak mengizinkan semua kapal kargo milik rejim Zionis berlabuh dan menggunakan kemudahan pelabuhan di negara ini.

“Tak ada. Kita tak benarkan. Yang benarkan pada tahun 2002 itu Tun Mahathir, bawa masuk ZIM, kita dah batalkan.

“Yang benarkan kapal Israel masuk itu Mahathir, masa dia jadi Perdana Menteri, dia bagi alasan.

“Kemudian diteruskan sehingga kita batalkan, Jemaah Menteri batalkan, itu pendirian kita,” katanya Majlis Pelancaran Strategi Pembanterasan Rasuah (NACS) 2024-2028, semalam.

Yang turut hadir dua Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri

Dr Ahmad Zahid Hamidi dan Datuk Seri Fadillah Yusof; Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Mohd Zuki Ali serta Ketua Pesuruhjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), Tan Sri Azam Baki.

Media kelmarin melaporkan dua syarikat pembekal senjata utama kepada rejim Zionis iaitu Lockheed Martin dan BAE System didakwa hadir Pameran Perkhidmatan Pertahanan Asia (DSA) dan Pameran Keselamatan Kebangsaan Asia (NATSEC Asia) 2024.

Difahamkan, kedua-dua syarikat itu tidak berdaftar di Israel seperti syarikat perkapalan ZIM.

Ia turut mendapat perhatian Dr Mahathir yang menyarankan kerajaan segera menghalau keluar dua syarikat berkenaan.

Minggu lalu, sebuah portal berita mendakwa kapal kargo milik syarikat Israel dikesan berlepas dari Malaysia.

Portal itu melaporkan Marine Traffic, aplikasi yang mengesan pergerakan perkapalan antarabangsa mendapati kapal kargo ZIM Rotterdam yang dimiliki syarikat Israel Zim Integrated Shipping Services, berlabuh di Pelabuhan Klang pada 29 April lalu, sebelum berlepas sehari kemudian menuju ke Pelabuhan Shantou, China.